

Komited bangunkan pendidikan

► *UMS memberi tumpuan usaha di kawasan luar bandar*

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Amal Strategi Lautan Biru di Dewan Siulan Bayu, Sekolah Kebangsaan Muhibbah, Kudat pada 11 Januari lalu.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, program itu diadakan sempena Ulangtahun UMS ke-20 iaitu sejak ia ditubuhkan pada 1994.

Katanya, UMS sentiasa komited membantu membangunkan pendidikan di Sabah khususnya kawasan luar bandar.

Sementara itu, Pengarah UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr Ismail

Ali berkata, program itu diadakan untuk membantu pihak pentadbiran sekolah meningkatkan kemudahan infrastruktur kepada pelajar.

Beliau berkata, program itu juga diadakan sempena Retreat Pentadbiran UMSKAL di Kudat pada 9 hingga 12 Januari 2014.

Pada majlis itu, Ismail menyampaikan kerusi dan meja serta dua unit komputer kepada Guru Besar SK Muhibbah Markus Suman.

Majlis itu disaksikan Ahli Dewan Undangan Negeri Banggi yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Kudat Datuk Abdul Mijul Unaini. Turut hadir wakil Pejabat Pelajaran Daerah Kudat Abdullah Akop.



MIJUL (empat kiri) dan Ismail (tiga kiri) bersama guru-guru SK Muhibbah Kudat sempena program Amal Strategi Lautan Biru UMS 2014.

Ismail berkata, program itu dianjurkan UMSKAL dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Labuan.

Sementara itu, UMSKAL merancang lebih banyak program kemasyarakatan yang memabitkan

penyertaan pelajar-pelajar bagi meningkatkan perkembangan sahsiah mereka.

Antaranya, pembersihan dan pengindahan bekas lombong arang batu, Chimney Labuan di Tanjung

Kubong pada Februari depan dan pembersihan pantai sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2014.

“UMSKAL juga akan mengadakan program eco-campus bagi meningkatkan kesedaran warga universiti menjaga alam sekitar, meningkatkan kecergasan dan mengawal penggunaan bahan terpakai,” kata Ismail.

Program retreat tiga itu dihadiri Timbalan Pengarah UMSKAL Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah serta ketua-ketua jabatan di universiti itu.